



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**PADA**  
**MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN**  
**PERINGKAT NEGERI MELAKA**  
**SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA**  
**TAHUN 1444H/2022M**  
**ANJURAN BERSAMA PERTUBUHAN SAHABAT AL-QURAN**  
**NEGERI MELAKA DAN MASJID AL-ALAMI MITC MELAKA**  
**TARIKH: 17 SEPTEMBER 2022 (SABTU), JAM: 10.30 PAGI**  
**DI MASJID AL-ALAMI, MITC MELAKA**

---

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى اِبْرٰهِيْمَ  
وَعَلٰى اٰلِ اِبْرٰهِيْمَ وَبَارِكْ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلٰى اِبْرٰهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ اِبْرٰهِيْمَ فِي الْعٰلَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ .

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya,  
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

**Terima kasih pengacara majlis,**

**YBhg. Dato' Che Shukri bin Che Mat,  
Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Melaka  
merangkap Pengerusi Masjid Al-Alami MITC Melaka;**

**YBhg. Datuk Dr. Haji Md Sirat bin Abu,  
Pengerusi Pertubuhan Sahabat al-Quran Negeri  
Melaka merangkap Pengerusi Pertubuhan Sahabat  
al-Quran Malaysia;**

**YBhg. Datuk Haziz bin Abd Gani,  
Merangkap Timbalan Pengerusi Pertubuhan Sahabat  
al-Quran Negeri Melaka;**

**YBrs. Ustaz Muhammad Syazni bin Khir Bahari,  
Penceramah Undangan Program Tadarus dan Khatam  
al-Quran;**

**Peserta-peserta Majlis Tadarus al-Quran dari Negeri  
Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah  
Persekutuan, Perak, Kedah, Perlis dan Terengganu;**

**Seterusnya Ahli-ahli Jawatankuasa, Ketua-ketua kumpulan Pertubuhan Sahabat al-Quran Negeri Melaka, Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Alami, MITC Melaka serta hadirin dan hadirat semua.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberi peluang untuk hadir di majlis yang penuh keberkatan ini iaitu Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran Peringkat Negeri Melaka sempena sambutan Hari Malaysia Tahun 1444H/2022M anjuran bersama Pertubuhan Sahabat al-Quran Negeri Melaka dan Masjid Al-Alami MITC Melaka.

2. Terlebih dahulu, saya juga mengucapkan Selamat Hari Malaysia kepada saudara dan saudari sempena hari memperingati dan menghormati tarikh keramat ini yang mencatat sejarah menerusi penyatuan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak bagi membentuk penubuhan Malaysia yang kita cintai ini
  
3. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya menzahirkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Pertubuhan Sahabat al-Quran Negeri Melaka di atas kesudian mengundang saya ke majlis ini.

4. Syabas kepada semua warga kerja yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung kerana telah bersungguh-sungguh menggembleng tenaga dan menepis segala cabaran untuk menjayakan Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran ini.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

5. Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran yang dianjurkan ini bukanlah semata-mata sebagai platform bagi kita berlumba-lumba memperdengar

bacaan al-Quran dengan alunan irama yang terhebat sahaja.

6. Kita perlu mengambil perhatian bahawa di samping alunan ayat-ayat suci al-Quran yang dipersembahkan, mesej dan isi kandungan yang tersirat juga wajib kita hayati sebaik mungkin.
7. Junjungan besar Nabi Muhammad SAW telah meninggalkan kita lebih 1400 tahun lalu. Dalam tempoh yang panjang ini, umat Islam telah melalui pelbagai liku kehidupan.



8. Namun begitu, kita bersyukur kerana rasa cinta terhadap risalah Illahi bersumberkan wahyu al-Quran yang dibawa Baginda SAW masih mekar dan segar di minda dan sanubari masyarakat.
9. Sesungguhnya bagi kita sebagai umat Islam, tiada keraguan sama sekali ke atas mukjizat al-Quran sebagai petunjuk kerana ia dijamin oleh Allah SWT akan kemuliaan dan kesuciannya. Seperti mana firman Allah SWT dalam surah Al-Hijr ayat ke-9;

Yang bermaksud : **“Sesungguhnya kamilah yang menurunkan az-zikr, iaitu al-Quran dan kami jualah yang memelihara dan menjaganya.”** (surah al-hijr, ayat 9).

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

10. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik usaha Pertubuhan Sahabat al-Quran Negeri Melaka atas penganjuran majlis yang cukup bermakna ini pada setiap sambutan Hari Malaysia.

11. Saya mengharapkan agar penganjuran program keagamaan sempena sambutan Hari Malaysia 2022 ini dapat menyemai perpaduan, nilai positif, mengimbangi keperluan warga Melaka yang mendambakan pengisian program yang mempunyai jiwa dan mendidik rohani serta membangun minda agar selari dengan fitrah insan sebagai hamba kepada pencipta-Nya.
  
12. Saya berasa bangga dan kagum dengan penyertaan masyarakat yang datang bukan sahaja dari Melaka, malah peserta **Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah, Perlis dan**

**Terengganu** yang juga bersemangat menyertai Majlis Tadarus ini. Tahniah kepada qari dan qariah, hafiz dan hafizah serta syabas kepada semua peserta yang telah menampilkan alunan tilawah yang mantap.

13. Mudah-mudahan Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran yang diadakan secara tahunan ini, akan dijadikan tempat untuk mengajak dan menggalakkan orang ramai untuk sama-sama membudayakan bacaan al-Quran, menanam sifat dan semangat cintakan al-Quran, juga memupuk gaya hidup berpandukan al-Quran dan Sunnah.

14. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran Peringkat Negeri Melaka pada tahun ini, serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan majlis ini.
  
15. Akhirul kalam, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran Peringkat Negeri Melaka sempena sambutan Hari Malaysia 2022.

Sekian,

Wabillahitawfiq Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih